

B507
BANTAHAN

1981

KUALA LUMPUR, 15 SEPT. (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH MEMBUAT BANTAHAN KERAS KEPADA PERBADANAN PENYIARAN AUSTRALIA (ABC) DAN KERAJAAN AUSTRALIA MENGENAI LAPORAN MEDIA MASSA NEGARA ITU TERUTAMA PERBADANAN PENYIARAN AUSTRALIA (ABC) YANG MENGHINA NAMA BAIK DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BANTAHAN ITU DIBUAT MENERUSI PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI CANBERRA, DEMIKIAN MENURUT KENYATAAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI HARI INI.

KENYATAAN ITU DIKELUARKAN BERIKUTAN LAPORAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN MENGENAI KECAMAN DAN CACIAN YANG DIBUAT OLEH MEDIA MASSA NEGARA TERSEBUT DAN PERBADANAN ITU TERHADAP PERDANA MENTERI YANG TIDAK DAPAT MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMONWEL DI AUSTRALIA.

KENYATAAN ITU BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK DAPAT MENGHADIRI SIDANG TERSEBUT KERANA KEPERLUAN TUGAS-TUGAS DALAM NEGERI +JAWAPAN INI TELAHPUN DIBERITAHU KEPADA KERAJAAN AUSTRALIA DAN IA MEMAHAMINYA.+

+KITA TELAH DIBERITAHU MENTERI LUAR AUSTRALIA TELAHPUN MENGELUARKAN SATU KENYATAAN SEMALAM MENGUTUK SIARAN PERBADANAN PENYIARAN ITU. KERAJAAN AUSTRALIA SANGATLAH KESAL ATAS KEJADIAN ITU, TAMBAH KENYATAAN ITU. — BERNAMA 2020/SZ